


BERITA HARIAN

DATE: 08/08/2007

Modal insan fokus utama

Negara anggota lancar pelan 'Menuju ke Hadapan' basmi kemiskinan



SEMUA negara peserta Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) 2007 yang berakhir di sini, semalam, sepakat bahawa usaha menghapus kemiskinan perlu ditangani secara menyeluruh dengan membangunkan modal insan, membina keupayaan dan meningkatkan kemudahan pendidikan.

Dalam pelan tindakan 'Menuju ke Hadapan', yang dikeluarkan selepas dialog itu, pemimpin 10 negara yang menyertai LID 2007, juga bersetuju bahawa aspek pembangunan ilmu, kemahiran dan modal intelektual harus diberi keutamaan.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar ketika mengumumkan pelan tindakan itu berkata, negara peserta LID juga bersetuju untuk menggalakkan budaya kerja dan pemikiran yang kreatif, inovatif serta progresif.

"Peserta juga bersetuju bahawa penyediaan infrastruktur dan persekitaran dasar yang kondusif bagi pembangunan ekonomi dengan sasaran utama adalah menghapuskan kemiskinan," katanya.

Antara dasar dan pelan tindakan yang digariskan peserta bagi menghapuskan kemiskinan ialah mewujudkan peluang pekerjaan termasuk bekerja sendiri dengan menyediakan akses kepada tanah, modal dan sumber produktif lain.

Selain itu, peserta juga sepakat bahawa perlu diwujudkan persekitaran kondusif untuk keupayaan sendiri ekonomi; pembangunan dan penyediaan perkhidmatan sosial dan pra-

sarana asas; serta pengupayaan wanita menerusi kesaksamaan gender.

Katanya, mereka peserta dialog juga sependapat supaya pembangunan ekonomi dan sosial; melindungi hak kanak-kanak terhadap sistem pendidikan dan perkhidmatan kesihatan serta tadbir urus korporat yang berkesan dalam sistem pentadbiran perlu diwujudkan.

“ Negara peserta LID juga bersetuju untuk menggalakkan budaya kerja dan pemikiran yang kreatif, inovatif serta progresif”

Syed Hamid Albar
Menteri Luar

Syed Hamid berkata, bagi mencapai objektif disasarkan itu, peserta LID bersetuju juga melaksanakan pelbagai langkah strategik dalam pelbagai bidang merangkumi pembangunan modal insan dan pembinaan keupayaan.

Bagi pembangunan modal insan, peserta LID 2007 sepakat memastikan akses kepada pendidikan untuk setiap peringkat rakyat tanpa mengira jantina, menggalakkan latihan teknikal dan kemahiran vokasional kepada belia dan menggalakkan penyertaan swasta dalam penyediaan latihan serta peluang pekerjaan.

Turut akan dilaksanakan ialah keseimbangan gender dengan menggalakkan penyertaan lebih besar wanita di sekolah; mewujudkan persekitaran kondusif untuk pendidikan; mempertingkatkan usaha sama antara kerajaan dan penduduk setempat serta rakan asing.